

TARIKH	21/9/2016	SEKSYEN	Mega Mimbar
MUKA SURAT	22	RUANGAN	

Kehebatan kelambu Kaabah

Kelambu Kaabah atau *kiswah* dikatakan dipasang sejak zaman Nabi Ismail a.s.

Kiswah pada zaman dahulu tidak semestinya berwarna hitam pekat, pernah berwarna merah, putih, hijau dan kuning. Akhirnya ditetapkan ketika Dinasti Abasiyyah berwarna hitam.

Kiswah sebelum ini diperbuat di Mesir dan dihantar ke Mekah menggunakan jalan darat dan kerap berlaku kelewatan.

Kerana faktor tersebut, pengasas kerajaan Arab Saudi, Raja Ibnu Saud memutuskan untuk menghasilkannya sendiri di Mekah.

Pada masa ini sebanyak 120 kilogram (kg) benang emas tulen, 120 kg benang perak dan 670 kg sutera digunakan untuk menghasilkan *kiswah*.

Kos bagi menyiapkan sebuah *kiswah* mencecah RM22 juta (RM23.7 juta) yang dilakukan secara manual, hanya sebahagian kecil sahaja menggunakan mesin moden.

Mengambil masa antara lapan hingga sembilan bulan untuk disiapkan.


Oleh ZULKIFLEE BAKAR
Melaporkan dari Mekah,
Arab Saudi

PADA 9 Zulhijah setiap tahun, ketika seluruh umat Islam yang menunaikan ibadah haji berwuquf di padang Arafah, di kota Mekah atau lebih tepat Masjidilharam, selepas solat subuh akan berlangsung satu acara paling ditunggu-tunggu iaitu penggantian kelambu Kaabah atau *kiswah*. Mengikut sejarah, kain atau kelambu itu untuk melindungi dinding Kaabah daripada rosak akibat kekotoran, debu dan panas. *Kiswah* dikatakan dipasang sejak zaman Nabi Ismail a.s., bagaimanapun tidak dinyatakan diperbuat daripada apa?

Meneliti satu demi satu sejarah *kiswah* adalah jelas, bangunan yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. itu melalui pelbagai proses bentuk kelambu yang 'membangkit' tempat suci tersebut.

Bermula daripada kain tenunan kemudiannya kain benang kapas, *kiswah* juga difahamkan satu ketika dahulu tidak semestinya berwarna hitam pekat.

Kiswah pertama dikatakan diperbuat daripada kain tenunan berjalur Yemen berwarna merah. Selepas itu, kain tersebut juga



BEBERAPA pekerja tekun menyiapkan kelambu Kaabah atau *kiswah* di Mekah.

WORLD #QuranHour
9 ZULHIJAH, 9:00 PAGI
BERSAMA KAMI!

Dijemput datang beramai-ramai. Datang awal. Bawa bersama al-Quran. NERANSI AL-QURAN.

Tempat: Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

pernah dikalakan berwarna putih, hijau dan kuning. Bagaimanapun, akhirnya kelambu itu ditetapkan berwarna hitam ketika Dinasti Abasiyyah.

Ketika zaman keagungan bertanggungjawab melaksanakan pembuatan *kiswah*. Dahulu *kiswah* dikatakan diperbuat daripada sutera hitam dari Mesir dan bermula pada zaman Sultan Sulaiman yang memerintah Mesir pada sekitar tahun 950-an hingga pemerintahan Muhammad Ali Pasha sekitar akhir tahun 1920-an.

Mengikut catatan setiap tahun, *kiswah* itu dihantar ke Mekah melalui jalan darat menggunakan tandu indah yang disebut *mahmal*.

Bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu khususnya kelewatan *kiswah* tiba di Mekah

pada bulan Zulhijah, pengasas kerajaan Arab Saudi, Raja Ibnu Saud membuat keputusan untuk menghasilkannya sendiri melalui langkah mendirikan kilang di Kampung Jiyad, Mekah.

Dari semasa ke semasa pembuatan *kiswah* sentiasa menjadi perhatian. Ketika melawat kilang tersebut baru-baru ini bersama rombongan wartawan Malaysia, kami diberitahu sebanyak 120 kilogram (kg) benang emas tulen, 120 kg benang perak dan 670 kg sutera digunakan untuk menghasilkan *kiswah*.

Setiap tahun kilang itu hanya mengeluarkan sebuah *kiswah* yang kebanyakan kerja sulaman ayat suci al-Quran dan tenunan dilakukan secara manual oleh pekerja warga tempatan.

Hanya sebahagian kecil penghasilan kain menggunakan



SEORANG pekerja menyiapkan proses melibatkan pintalan benang.

mesin moden. Kos bagi menyiapkan sebuah *kiswah* mencecah RM22 juta (RM23.7 juta) menggunakan kain sutera berkualiti tinggi dari Itali dan benang emas serta perak tulen dari Jerman. Ia mengambil masa antara lapan hingga sembilan bulan untuk disiapkan.

Antara kalimah atau ayat yang tertera dalam pintalan emas *kiswah* ialah syahadah, surah Ali Imran ayat 96, al-Baqarah ayat 144, surah al-Fatihah dan surah al-Ikhtlas.



PEMANDANGAN laluan masuk ke kilang *kiswah* di Mekah.

